

**BAB 2 [2.1-2.4]
KEBANGKITAN NASIONALISME**

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF



Hans Kohn

1. Apakah maksud nasionalisme menurut tokoh di atas?
 - A. Fenomena sejangat yang mengiktiraf hak setiap bangsa
 - B. Perjuangan menentang penjajahan melalui persatuan dan perpaduan yang kuat
 - C. Kesedaran dan ketegasan diri akibat ancaman terhadap kepentingan orang Melayu
 - D. Satu gerakan yang meletakkan kesetiaan hanya kepada bangsa dan negaranya

2. Maklumat di bawah merupakan karya John Locke, seorang ahli falsafah Inggeris.

Two Treatises of Government

Apakah prinsip pemerintahan yang ditekankan dalam karya tersebut?

- A. Raja berkuasa mutlak
- B. Raja Berperlembagaan
- C. Sistem Demokrasi Berparlimen
- D. Sistem Republik Berperlembagaan

3. Revolusi Amerika yang berlaku pada tahun 1776 merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British.

Mengapakah revolusi tersebut tercetus?

- I. Menegakkan kedaulatan parlimen
- II. Memperkenalkan pelbagai jenis cukai
- III. British tidak melindungi hak penduduk
- IV. Mempertahankan pemerintahan autokratik

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV


4. Maklumat di bawah merupakan dua pertubuhan yang memulakan gerakan nasionalisme awal di India.

- Brahmo Samaj
- Arya Samaj

Apakah isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut?

- A. Kecintaan kepada budaya tempatan
- A. Pengenalan sistem pemerintahan Islam
- B. Pengenalan kepada sistem birokrasi Barat
- C. Penubuhan parti-parti politik bersifat radikal

5. Gerakan kebangkitan rakyat China di pelopori oleh Dr. Sun Yat Sen. Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i)



Apakah X?

- A. Demokrasi
- B. Kekuatan tentera
- C. Kemajuan ekonomi
- D. Pemerintahan komunis



Sayyid Jamal
Al-Din Al-Afghani

Syeikh Muhammad
Abduh

6. Gambar di atas merupakan dua orang tokoh yang mempelopori Gerakan Islam di Mesir.

Apakah saranan gerakan tersebut?

- A. Mengubah budaya tempatan
- B. Memperjuangkan kebajikan sosial
- C. Menggiatkan rasa cinta kepada agama
- D. Berpegang kepada ajaran Islam sebenar

7. Antara berikut, pertubuhan yang manakah ditubuhkan semasa gerakan nasionalisme berlaku di Filipina?
- I. Katipunan
 - II. Liga Filipina
 - III. Sarekat Islam
 - IV. Parti Komunis Filipina
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
8. Apakah isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Belia Buddha di Burma?
- A. Isu kasut
 - B. Isu bangsa Burma
 - C. Isu pemisahan Burma dan India
 - D. Isu pengenalan pelbagai jenis cukai
9. Tokoh di bawah mempelopori perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita di Indonesia.



Raden Adjeng Kartini

- Apakah karya beliau yang telah diterbitkan di Eropah?
- A. Sumpah Pemuda
 - B. Kenikil-kenikil Tajam
 - C. Putera Gunung Tahan
 - D. Hilang Gelap Terbitalah Fajar
10. Nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara dan menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan. Bagaimanakah Raja Mongkut mempertahankan kemerdekaan negaranya?
- A. Menakluk Tanah Melayu
 - B. Bersahabat dengan China
 - C. Melaksanakan birokrasi Barat
 - D. Berkerjasama dengan Jepun